

KUALA LUMPUR, 16 FEB. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENAFIKAN ANGGAPAN SETENGAH PIHAK KONONNYA MAHASISWA HANYA AKTIF DAN PANDAI BERCAKAP SEMASA DI UNIVERSITI DAN SENYAP BEGITU SAHAJA SETELAH BERKHIDMAT.

MEREKA YANG AKTIF SEMASA DI UNIVERSITI TERUS AKTIF APABILA BERKHIDMAT DAN KALAU SUARA MEREKA TIDAK KEDENGARAN, INI ADALAH DISEBABKAN BEBANAN KERJA, KATA KETIKA BERUCAP DI MAJLIS MAKAN TAHUNAN JAWATANKUASA KEBAJIKAN SISWA KOLEJ PERTAMA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA MALAM INI. -- BERSAMBUNG 0002/BY

££

B632

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA TUGAS YANG MEREKA PIKUL DAN MASALAH YANG DIHADAPI TIDAK MUDAH HENDAK DIATASI, MAKA MASYARAKAT TIDAK BEGITU MENDENGAR TENTANG USAHA-USAHA MEREKA.

KATANYA MEREKA INI SEBENARNYA BERUSAHA TETAPI KESAN DARI USAHA ITU TIDAK BANYAK SEHINGGA TIDAK NAMPAK PADA MASYARAKAT.

ADA ANTARA MEREKA YANG MENJALANKAN TUGAS DENGAN BEGITU BERSEMANGAT DAN DAPAT MEMBENTUK DASAR SERTA CARA-CARA MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MASYARAKAT.

MEREKA JUGA BERJUANG DALAM BIDANG LAIN SEPERTI POLITIK, PELAJARAN DAN PENTADBIRAN.

DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA YANG BENAR-BENAR MENCAPAI KEJAYAAN ADALAH MEREKA YANG MENJALANKAN KERJA DENGAN SENYAP-SENYAP DAN BUKAN DENGAN CARA Mencari PERHATIAN KEPADA DIRI SENDIRI.

+MEREKA YANG BERJAYA ADALAH MEREKA YANG MENOLONG PIHAK KERAJAAN MENJAYAKAN RANCANGAN DAN MENOLONG MASYARAKAT DAN BUKANNYA MEREKA YANG CUBA MENDAPAT PERHATIAN DENGAN MEMBUAT PERKARA-PERKARA YANG GANJIL+, KATANYA. --BERSAMBUNG 0006/BY

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

NAIB CANSOLOR UNIVERSITI KEBANGSAAN, DR. ANWAR MAHMOOD BERKATA BAHAWA UNIVERSITI ITU TELAH MENGUJUDKAN SATU SEKSI PERUMAHAN PELAJAR YANG DIKETUAI OLEH SEORANG PENSYARAH.

KATANYA, SEGALA URUSAN PERUMAHAN PELAJAR DALAM DAN JUGA DILUAR KAMPUS AKAN DISELENGGARAKAN OLEH SEKSI ITU YANG TERLETAK DIBAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR.

TAMBAHNYA, SISTEM PERUMAHAN PELAJAR DI KAMPUS TETAP DI BANGI ADALAH SISTEM DAN KONSEP YANG BARU BAGI UNIVERSITI ITU DAN PERUMAHAN PELAJAR YANG DISEDIAKAN MEMPUNYAI TIGA JENIS IAITU ASRAMA, PANGSAISWA DAN RUMAH KELAMIN.

SISTEM MAKAN DI ASRAMA PULA TIDAK LAGI DIBUAT SEPERTI YANG ADA SEKARANG DI MANA PIHAK KOLEJ MENYEDIAKAN KESELURUHANNYA DAN PARA PELAJAR CUMA MEMBAYAR BELANJA MAKAN PADA TIAP-TIAP SEMESTER.

SISTEM MAKAN DI BANGI NANTI AKAN DIBUAT SECARA KAFETERIA ATAUPUN REFECTORY DIMANA PARA PELAJAR AKAN MEMBELI SENDIRI MAKANAN DARI KAFETERIA YANG ADA DI ASRAMA-ASRAMA DAN TUJUAN MENGADAKAN SISTEM INI UNTUK MELATIH PELAJAR MERANCANG HIDUP MEREKA BERDIKARI. -- BERNAMA 0009/BY